



Amukan *The Bandit Queen*

Sinar 4/1/13 MS 51

Aura Phoolan Devi membara di India

LIZA HASAN

Dua belas tahun lalu, PHOOLAN Devi, dilabel sebagai pengganas wanita paling kejam selepas 'menggoncangkan' bumi India ketika usianya 26 tahun.

Namanya kini dijulang golongan wanita di India untuk bangkit memperjuangkan hak selepas kejadian rogol beramai-ramai hingga menyebabkan kematian bulan lalu. Beliau dianggap pencetus penentangan diskriminasi, terutama terhadap kaum dalit.

penafian hak, penderaan dan layanan buruk ke atas wanita di India.

Latar belakang

Dilahirkan sekitar 1963 di Gorha Ka Purwa, Uttar Pradesh, anak kedua daripada empat beradik itu mendapat gelaran *Bandit Queen* kerana kegigihannya memburu dan menembak mati lelaki yang menjahanamkan hidupnya pada awal 1980-an.

Poolan Devi, seorang marhaen dari kasta terendah dibesarkan di desa kecil di Sungai Yamuna. Bapanya mewarisi enam hektar tanah. Namun, kerana tamak haloba, tanah itu dirampas oleh sepupunya, Maiyadin.

Ketika berumur 11 tahun, Poolan

Devi ditukarkan dengan seekor lembu untuk dikahwinkan dengan Putti Lal, 30, yang sudah beristeri.

Selepas berkahwin, beliau dipukul dan dinodai secara sadis hingga terpaksa melarikan diri ke rumah ibu bapanya.

Tiba di rumah, ibunya mendesak beliau untuk membunuh diri kerana dikatakan 'memalukan keluarga'.

"*Semua lelaki menikahi anak kecil akan aku bunuh!*" itulah sumpah keramat *Si Poolan Devi*. Di sinilah bermula api kemarahannya terhadap golongan lelaki.

Di kampung halaman, beliau bekerja sebagai buruh binaan. Dendamnya luar biasa apabila berani membakar rumah yang siap dibina kerana pemiliknya enggan membayar upah.

Penganiaya

Pada usia 15 tahun, beliau dirogol oleh ketua kampung di hadapan ibu dan bapanya kerana berhutang. Sepupunya Maiyadin membawa kes tersebut ke Mahkamah Tinggi Allahabad namun dia dianiaya.

Maiyadin membuat tuduhan bukan sebagai mangsa rogol tetapi dituduh mencuri.

Atas kesalah itu, beliau dipenjarakan sebulan dan sekali lagi dirogol beramai-ramai ketika di dalam penjara.

Tidak puas dengan tuduhan itu, selepas dibebaskan, Maiyadin mengupah pula geng penjenayah diketuai Babu

Gujar untuk menculiknya.

Perkahwinan

Pada suatu hari, pembantu geng Babu Gujar, Vickram Mallah, 'berjaya' membunuh Thakur, pemimpin dari kasta tertinggi *Brahmanical*. Kejayaan itu menjadikan Vickram Mallah sebagai ketua baru lalu mengambil keputusan untuk berkahwin dengan Poolan Devi dan menetap di kampung halamannya. Poolan Devi dilayan sebagai wanita dan isteri.

Beliau pernah berkata: "*Vickram adalah orang pertama melayan saya seperti manusia, bukan hamba atau sekeping daging*".

Namun, kebahagiaan itu tidak lama. Pada 1980, Vickram Mallah dibunuh oleh serpihan kumpulan Thakur, Sri dan Lala Ram sebagai membalas dendam.

Dalam serangan itu, Poolan Devi dirogol beramai-ramai dan beliau diseksa dan dipaksa mengambil air di sungai sambil bergegang dengan disaksikan penduduk kampung sehinggalah beliau akhirnya berjaya meloloskan diri.

Revolusi

Pada 1981, ahli kumpulan penjenayah pimpinan mendiang suaminya memberi sokongan dan mendesak untuk membalas dendam. Poolan Devi dilantik menjadi ketua kumpulan itu. Sepanjang dua tahun, kumpulannya semakin berpengaruh dalam kalangan penjenayah dari kasta rendah. Beliau merompak dan membunuh.

Pembunuhan menggerunkan dilakukannya dengan cara membariskan 22 lelaki bogel dan menembak mereka hingga mati di khalayak ramai di Behmai. Berikutan keberaniannya itu, beliau menjadi terkenal di India dan dilabelkan sebagai

penjenayah wanita tunggal paling bahaya dan kejam di India.

Menyerah diri

Pada 1983, Phoolan Devi bersama kumpulannya menyerah diri kepada Ketua Menteri Madhya Pradesh, Arjun Singh, di bandar Bhind. Rumahnya dikepung 300 polis ketika itu. Beliau dipenjarakan di Tihar di Delhi. Poolan Devi menghadapi 55 tuduhan membunuh, 68 rompak bersenjata api dan 27 penculikan. Selepas 11 tahun dipenjarakan, beliau dibebaskan pada 1994 tanpa dikenakan percabaran.

Politik

Dua tahun kemudian, beliau sekali lagi menggegarkan India apabila berjaya merebut kerusi Parlimen di bawah tiket Parti Samajwadi dan mewakili kawasan kasta rendah wilayah Mirzapur, Uttar Pradesh. Namun, beliau gagal mengekalkan kerusinya setahun kemudian.

Dibunuh

Pada 2001, Phoolan Devi dibunuh di Delhi oleh Sher Rana Singh sebagai tindakan membalas dendam terhadap pembunuhan beramai-ramai di Behmai. Beliau ditembak di hadapan rumahnya. Tetapi, bahan bukti senjata yang digunakan ketika pembunuhannya hilang dari simpanan polis lalu kes itu ditutup.

Kini, namanya kembali hidup. Semangatnya disadur sekumpulan wanita yang menamakan mereka sebagai kumpulan 'Sari Merah'. Perjuangan mereka sama iaitu untuk memperjuangkan hak wanita di India.



"Semua lelaki menikahi anak kecil akan aku bunuh!"

~Phoolan Devi